
PENGURUSAN HARTA FARAIID SECARA BERSAMA OLEH AHLI-AHLI WARIS MELALUI PEMBENTUKAN *SYARIKAH*: SATU PANDANGAN DARI SEGI FIQAH MUAMALAT

Nasri Naiimi

Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Pengurusan harta faraid yang terbaik dari segi impaknya kepada ekonomi adalah harta yang tidak dipecah-pecahan pemilikannya dari segi fizikal. Cadangan untuk menggalakkan ahli waris mewujudkan *syarikah* keluarga atau *holding* dengan menjadikan harta pusaka sebagai satu aset kepentingan bersama adalah penting. Perbincangan dalam penulisan ini menekankan kepada pandangan dari sudut fiqah muamalat mengenai *syarikah* keluarga ini. Ia dimulakan dengan perbincangan mengenai *syarikah al-amla* dan diikuti dengan *syarikah al-uqud* yang menjadi teras *syarikah* kepada *syarikah* keluarga yang menguruskan harta faraid ini dari segi pandangan Hanafi. Kemudian perbincangan diperincikan lagi mengenai *syarikah al-amwal* yang bercorak *al-inan*, yang merupakan salah satu jenis *syarikah* yang terkandung dalam *syarikah al-uqud*. Perbincangan mengenai *syarikah* ini adalah penting kerana ia sesuai untuk diaplikasikan terhadap pengurusan harta faraid melalui pembentukannya. Perbincangan mengenainya meliputi beberapa perkara penting seperti status keperibadian ahli-ahli, bentuk pelaburan, perbelanjaannya dan pembahagian untung dan rugi.

Kata kunci: *Fiqah muamalat, pengurusan Islam, ekonomi Islam, harta pusaka Islam, musyarakah, pewarisan*

ABSTRACT

The best practice in the management of inheritance property from the perspective of the impact of the economy, is the owned property that is not being physically sub-divided. The suggestion to encourage the heirs in creating the family syarikah or holding in order to make the inheritance as a common interest asset is important. The discussion of this writing is emphasized from the perspective of muamalat jurisprudence regarding the family syarikah. It begins with a discussion of syarikah al-amlak and followed by syarikah al-uqud, those are the core syarikah to the family syarikah in the management of inheritance property in terms of the Hanafi's view. Then, the discussion is detailed out to the syarikah al-amwal of al-'inan, which is one of the syarikah in the syarikah al-uqud. The discussion regarding this syarikah is important because this kind of syarikah is suitable to be applied to the management of inheritance property through the formation of this syarikah. The discussion regarding it consists of several important items namely the members' personality status, the form of investment, its expenditure and the distribution of profit and loss.

Keywords: Fiqh muamalat, Islamic management, Islamic economics, Islamic inheritance, musyarakah, inheritance

PENGENALAN

Secara tradisinya, harta pusaka akan diagihkan kepada ahli-ahli waris yang berhak secara fizikalnya. Cara sebegini memanglah mudah dan dapat menyelesaikan persoalan harta pusaka ini dengan pantas, tetapi malangnya ia boleh mengakibatkan kerugian kepada masyarakat Islam amnya dan kepada bakal pemilik-pemilik tersebut dalam jangka masa panjang khususnya pada generasi Islam akan datang. Ini kerana harta yang diperolehi tersebut berkemungkinan akan dihabiskan oleh penerimanya jika ia merupakan harta cair seperti wang dan saham atau tidak dapat dimajukan disebabkan ia agak kecil dan sedikit serta tidak ekonomi jika ia merupakan harta tetap seperti tanah. Cadangan untuk menggalakkan ahli waris mewujudkan *syarikah keluarga* atau *holding* dengan menjadikan harta pusaka sebagai satu aset kepentingan bersama adalah penting kerana ia dapat menyelesaikan masalah sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Melalui pendekatan *syarikah keluarga* atau *holding* ini, pembahagian tidak semestinya dibuat berdasarkan keluasan tanah atau bahagian tetapi dibuat dengan pembahagian syer atau bahagian saham yang disandarkan ke atas *syarikah* yang dimiliki secara bersama tersebut. Dengan ini setiap ahli waris akan berpeluang memiliki bahagian haknya secara lebih adil dan tepat mengikut keadaan semasa.

Pembahagian *syarikah* menurut Hanafi melibatkan dua bahagian yang besar iaitu *syarikah al-amalak* dan *syarikah al-'uqud*. *Syarikah al-amalak* ialah pemilikan dua atau lebih ahli-ahlinya tanpa melalui kontrak *syarikah* yang terjadi antaranya disebabkan oleh keadaan perwarisan harta pusaka, hibah atau pembelian manakala *syarikah al-'uqud* pula ialah kontrak yang terjadi di antara dua atau lebih ahli-ahlinya dalam hal modal dan keuntungan melalui pengakuan ahli-ahlinya kepada rakannya yang lain dengan lafaz melakukan *syarikah* lalu disambut oleh rakan-rakannya yang lain dengan lafaz kami terima.

PENGURUSAN HARTA FAROID MELALUI PEMBENTUKAN *SYARIKAH*

Pandangan Hanafi lebih komprehensif dalam membincarakan tentang pembahagian *syarikah*. Di samping itu, bahagian-bahagian yang disentuh oleh fuqaha Hanafi secara tidak langsung telah meliputi pembahagian oleh pandangan-pandangan yang lain. Cuma,

pandangan-pandangan yang lain itu membahagikan *syarikah* tersebut dalam bentuk yang agak berlainan termasuklah sedikit perbezaan dari segi pengertiannya tetapi persamaan masih dapat dilihat dari segi konsep sesuatu *syarikah* tersebut secara umum. Oleh itu, dalam membincangkan tentang *syarikah* berhubung dengan pengurusan harta faraid ini, akan menggunakan pandangan fuqaha Hanafi sebagai asas perbincangan sementara pandangan fuqaha yang lain akan dijadikan sebagai pelengkap dan penyokong kepada konsep tersebut.

Jika ditinjau secara teliti, pengurusan harta faraid melalui pembentukan *syarikah* ini akan membabitkan dua unsur utama iaitu harta dan kontrak. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan penglibatan kedua-dua jenis *syarikah* yang utama iaitu *syarikah al-amla*k dan *syarikah al-'uqud*. Kedua-dua jenis *syarikah* ini berlaku pada dua peringkat yang berasingan. *Syarikah al-amla*k berlaku pada peringkat awal penggabungan harta itu iaitu bila berlakunya pemindahan harta dari si mati kepada para pewarisnya disebabkan sesuatu kematian dan ia dikenali sebagai *syarikah al-amla*k *al-jabariyah* iaitu *syarikah* yang terjadi tanpa kehendak daripada ahli-ahlinya. Dalam hal ini, setiap ahli adalah dianggap sebagai orang asing oleh ahli-ahlinya yang lain dalam menguruskan saham rakannya yang lain.¹ Larangan dalam menguruskan harta rakannya yang lain ini menyebabkan keperluan terhadap *syarikah al-'uqud* dalam mewujudkan kontrak yang dipersetujui di kalangan ahli-ahlinya secara sah agar harta bersama tersebut dapat dimakmurkan serta dibangunkan bagi kepentingan bersama di antara ahli-ahlinya dan faedahnya juga nanti dapat dikecapi oleh generasi-generasi mereka yang seterusnya. Dengan demikian, berlakulah *syarikah al-'uqud* terhadap penggabungan ini pada peringkat yang seterusnya.

Dari pada jenis-jenis *syarikah al-'uqud* yang telah dibincangkan, *syarikah al-amwal* adalah paling sesuai untuk diaplikasikan dan diterapkan kepada *syarikah* yang berhubung dengan pengurusan harta faraid. Ini disebabkan fokus utama kewujudannya adalah bersangkutan dengan harta dan harta juga dijadikan objek modal oleh ahli-ahli yang

¹ al-Sarakhsy, Syams al-Din (1978), Kitab al-Mabsut, Beirut : Dar al-Ma'rifah, jld. 11, hal. 151; al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Mas'ud (1998), Bada'i' al-Sana'i' fi Tartib al-Syara'i', Beirut : Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, jld. 5, hal. 87; Ibn al-Human, Kamal al-Din Muhammad 'Abd Wahid (1995), *Syarh Fath al-Qadir*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, jld. 6, hal. 144 – 145; al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil (t.t), *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, jld. 3, hal. 3.

terlibat dalam *syarikah* ini untuk diperkembangkan melalui pengurusan bersama. Dengan lain perkataan, pengurusan bersama dalam bentuk *syarikah* ini hanya akan dicapai melalui *syarikah al-'uqud* dan objek modal ini dikatakan sebagai *al-amwal*. Oleh itu, *syarikah al-abdan* dan *syarikah al-wujuh* serta beberapa jenis *syarikah al-'uqud* lain yang dinyatakan dalam perbincangan mengenai pembahagian *syarikah* adalah tidak relevan dan terkeluar daripada perbincangan mengenai pengurusan harta faraid melalui pembentukan *syarikah* ini.

Konsep *Syarikah al-Amlak* pada Pengurusan Harta Faraid

Secara umumnya, *syarikah al-amalak* adalah berkaitan dengan hak pemilikan bersama bagi sesuatu harta. Ia hanya melibatkan perkongsian hak milik ke atas sesuatu harta tersebut tanpa melibatkan sebarang usahasama untuk memajukan atau mengeksploritasikan harta tersebut.² Oleh kerana setiap ahli adalah dianggap sebagai orang asing oleh ahli-ahlinya yang lain dalam menguruskan saham rakannya yang lain, seseorang ahli hanya boleh mengurus secara bersendirian pada harta tersebut dengan persetujuan ahli-ahli yang lain tetapi tidak boleh menguruskannya dengan cara yang boleh merosakkan kepentingan saham ahli-ahli yang lain.³

Di samping itu, mana-mana ahli dibenarkan menjual sahamnya kepada rakan kongsi yang lain dalam semua keadaan tetapi tidak dibenarkan menjual saham rakan ahli yang lain kepada pihak yang ketiga tanpa kebenaran rakannya itu.⁴ Bagaimanapun, mana-mana ahli tidak boleh memaksa ahli yang lain membeli atau menjualkan bahagian sahamnya kepada ahli-ahli yang lain.⁵ Apa yang dapat disimpulkan mengenai perkara yang dibincangkan di atas ialah ianya bertepatan dengan konsep *syuf'ah* yang terdapat dalam ilmu fiqah muamalat. Berhubung dengan pertambahan yang berhasil pula, al-Sarakhsi menyatakan bahawa segala pertambahan dan keuntungan yang didapati daripadanya adalah dikongsi bersama antara ahli-

² Abraham L. Udovitch (1970), *Partnership and Profit in Medieval Islam*, New Jersey: Princeton, hal. 17.

³ Haidar, Ali (1991), *Durar al-Hukkam: Syarh Majallah al-Ahkam*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, jld. 10, hal. 19 – 20.

⁴ al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 3.

⁵ Haidar, Ali (1991), *op. cit.*, jld. 10, hal. 20 – 21.

ahlinya mengikut kadar pemilikan masing-masing.⁶ Perkara ini turut dinyatakan dalam *al-Ahkam al-'Adliyyah* iaitu jika salah seorang rakan kongsi mensyaratkan keuntungan yang lebih daripada saham harta yang dikongsikan bersama itu, syarat tersebut adalah tidak sah.⁷

Mengenai tanah yang diwarisi secara faraid pula, persetujuan ahli waris yang lain termasuk pemegang amanah bagi ahli waris yang di bawah umur yang membenarkan beberapa orang ahli waris mengusahakan tanah yang menjadi harta bersama tersebut, akan menjadikan seluruh hasilnya dikongsi bersama di antara mereka.⁸ Bagaimanapun jika salah seorang ahli waris mengusahakan tanah tersebut secara bersendirian, tanpa keizinan ahli-ahli yang lain, seluruh hasilnya akan menjadi miliknya seorang tetapi dia bertanggungjawab kepada para pewaris yang lain di atas susut nilai tanah berkenaan disebabkan penanamannya itu.⁹

Jika salah seorang ahli waris mengambil sejumlah wang tertentu daripada harta pusaka yang belum dibahagikan tanpa keizinan ahli-ahli waris yang lain, kemudian diperniagakan harta tersebut lalu mengalami kerugian, kerugian tersebut akan dipertanggungjawabkan ke atas waris yang mengambilnya itu bagi membayar gantirugi disebabkan perbuatannya itu. Begitu juga halnya jika berlaku keuntungan, keuntungan tersebut adalah miliknya seorang dan ahli waris yang lain tidak boleh menuntut bahagian keuntungan daripadanya melainkan hanya saham asal yang diambilnya sahaja.¹⁰

Pada keadaan biasa bagi tujuan menggabungkan modal *syarikah*, sebaik sahaja setiap rakan kongsi bersetuju mewujudkan *syarikah*, mereka perlu mengemukakan harta masing-masing yang boleh dijadikan modal *syarikah*. Harta tersebut hendaklah digabungkan sehingga tidak dapat dibezakan pemilik asalnya, kemudian barulah diadakan kontrak *syarikah*. Namun demikian, jika harta tersebut telah pun dikongsi bersama sebelum kontrak seperti melalui pusaka, jual beli, hadiah dan sebagainya, kemudian baru diwujudkan kontrak, *syarikah* tersebut juga adalah sah.¹¹ Mereka tidak perlu mengagihkannya terlebih dahulu,

⁶ al-Sarakhsyi, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 151.

⁷ Haidar, Ali (1991), *op. cit.*, jld. 10, hal. 22 – 23.

⁸ *Ibid.*, jld. 10, hal. 49.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ *Ibid.*, jld. 10, hal. 50.

¹¹ al-Khin, Mustafa et al. (2003), *al-Fiqh al-Manhaji 'ala Madhhab al-Imam al-Syafi'i*, Damsyik : Dar al-Qalam, jld. 3, hal. 225.

kemudian digabungkan semula kerana tujuan penggabungan ini ialah untuk menggabungkan modal sehingga tidak dapat dibezakan pemilik asalnya.¹²

Syarikah al-amla merupakan suatu unsur yang diperlukan dalam memperkembangkan lagi skop *syarikah al-'uqud*, walaupun di kalangan Hanafi dan Maliki menganggapnya kurang penting terhadap kesinambungan *syarikah al-'uqud*.¹³ Sebaliknya Syafii berpandangan bahawa *syarikah al-amla* merupakan prinsip asas yang mendasari semua *syarikah* termasuklah *syarikah al-'uqud*.¹⁴ Ini dapat dilihat apabila *syarikah al-'uqud* menjadi berkesan hanya selepas penggabungan secara sempurna dilakukan terhadap sesuatu pemilikan bersama. Dengan kata lain, sebelum sesuatu *syarikah al-'uqud* itu boleh berfungsi, suatu keadaan *syarikah al-amla* terlebih dahulu mesti diwujudkan. Tambahan lagi, menurut al-Nawawi, jika ahli-ahlinya memperolehi harta-harta mereka yang tidak dibahagikan sama ada secara harta pusaka, pembelian atau sebagainya dan berkontrak melalui pemilikan bersama untuk mengizinkan setiap ahli-ahlinya bergiat dalam perniagaan dengan harta tersebut, ini merupakan satu *syarikah* yang sempurna kesahannya.¹⁵

Sebagaimana perbincangan di atas, dapatlah difahami dan disimpulkan bahawa *syarikah al-amla* ini merupakan sesuatu *syarikah* yang tidak dapat berkembang maju tanpa kesinambungan daripada *syarikah al-'uqud*. Namun demikian, dalam keadaan tertentu, ia bertindak sebagai asas kepada kewujudan sesebuah *syarikah al-'uqud* itu, seperti dalam kes harta pusaka ini. Lagipun, syarat-syarat yang ketat dalam membolehkan pengurusan dan campurtangan di antara ahlinya terhadap harta sebuah *syarikah* secara bebas dan mudah, tidak memungkinkan kewujudannya secara tersendiri. Hal sedemikian adalah sama dalam konteks aplikasinya terhadap pengurusan harta faraid melalui pembentukan *syarikah* ini. Oleh itu, pengaplikasian *syarikah al-'uqud* khususnya *syarikah al-amwal* dalam hal ini merupakan satu keperluan.

¹² *Ibid.*

¹³ al-Kasani, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr Mas‘ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 79; al-Maliki, Abu ‘Abd Allah Malik b Anas (1905), *al-Mudawwanah al-Kubra : Riwayah Sahnun Sa‘id*, Beirut : Dar Sadir, jld. 12, hal. 54 –55.

¹⁴ al-Sarakhsy, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 152.

¹⁵ al-Nawawi , Abu Zakaria Yahya Syaraf (1996), *Minhaj al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin*. Beirut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah, hal. 76.

Asas *Syarikah al-Amwal* dalam Pengurusan Harta Faraid

Umumnya, *syarikah al-amwal* terbentuk dengan persetujuan bersama di antara dua orang atau lebih untuk mengadakan *syarikah* pada sejumlah modal daripada mereka yang tertentu untuk diperniagakan dan keuntungan atau kerugian daripadanya dikongsi antara mereka.¹⁶ Ia boleh wujud dalam dua bentuk iaitu:¹⁷

- (i) *Syarikah al-'inan*.¹⁸
- (ii) *Syarikah al-mufawadah*.¹⁹

Syarikah al-amwal berbentuk *al-mufawadah* adalah susah untuk dilaksanakan dalam realiti pengurusan harta faraid pada hari ini. Ini disebabkan kemungkinan seseorang akan mendapat lebih saham dalam sesuatu keadaan tertentu seperti dalam perkongsian harta pusaka, pemberian atau penemuan harta karun. Oleh yang demikian, *syarikah al-amwal* yang relevan untuk dibincangkan dalam konteks pengurusan harta faraid berhubung dengan perbincangan ini hanyalah *syarikah al-'inan* sahaja.

¹⁶ Khayyat, 'Abd al-Aziz Izat al- (1994), *al-Syarikah fi al-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut : Mu'assasah al-Risalah, jld 2, hal. 22.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Dari segi istilah, *al-'Inan* ialah kontrak yang dilakukan oleh dua orang atau lebih dalam menyumbangkan modal yang bersamaan atau berlainan kadarnya dalam bentuk harta, tenaga atau kombinasi kedua-dua jenis pelaburan tersebut. Sila lihat al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 7; Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah Ahmad Muhammad (1999), *al-Mughni*, *Riyadh* : Dar 'Alam al-Kutub, jld. 7, hal. 120 – 123; Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad (2000), *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, Beirut : Dar al-Ma'rifah, jld. 4, hal. 41 – 42; al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad b Muhammad al-Khatib (1958), *al-Mughni al-Muhtaj*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, jld. 2, hal. 212 – 213.

¹⁹ Maksud *al-mufawadah* pula berasal dari bermaksud *musawat* atau sama disebabkan terdapatnya persamaan pada modal, pembahagian keuntungan, urusan pengurusan (*tasarruf*), pegangan agama dan setiap ahli bertindak sebagai wakil dan penjamin kepada ahli lain. Ada pula pendapat yang mengatakan ia diambil daripada perkataan *tafwid* sebab setiap rakan kongsi mendelegasikan hak *tasarruf* kepada ahli-ahli yang lain dalam semua hal disebabkan setiap ahli memberi kuasa kepada ahli lain untuk bertindak dengan modal *syarikah* kerana pelaburan rakan kongsi adalah tidak terhad yang membolehkan semua harta peribadi ahli-ahli termasuk di dalam *syarikah* ini. Sila lihat al-Sarakhsy, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 152; al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Mas'ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 75; al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 4.

Kesahan *Syarikah al-Amwal*

Syarikah al-amwal berbentuk *al-'inan* ini merupakan *syarikah* yang telah lama diamalkan sebelum Islam lagi dan didapati bahawa orang-orang Quraisy telah berkongsi harta-harta serta beberapa hak atau tuntutan mereka berdasarkan kepada *syarikah al-'inan* ini.²⁰ Bagaimanapun, mazhab Maliki tidak memakai istilah *al-'inan* ini tetapi menurut Ibn Rusyd, ramai fuqaha bersetuju dengan kesahannya meskipun mereka berbeza pendapat tentang peraturannya.²¹ Sebaliknya, kesahan *syarikah al-amwal* berbentuk *al-mufawadah* pula adalah berdasarkan kepada *istihsan*.²² Ia disandarkan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang menyuruh untuk bermuamalah dengan *syarikah al-mufawadah* kerana berkatnya besar.²³

Aplikasi *Syarikah al-Amwal* Terhadap Harta Faraid

Pengendalian *syarikah al-amwal* dapat dilihat daripada beberapa aspek yang meliputi perkara-perkara yang berhubung dengan status keperibadian ahli-ahli, bentuk pelaburan, perbelanjaannya, pembahagian untung rugi dan lain-lain perkara sampingan mengenainya.

Status Keperibadian Ahli-ahli

Keahlian dalam *syarikah al-amwal* berbentuk *al-'inan* adalah terdiri daripada sesiapa sahaja yang mempunyai kelayakan minimum dari segi syarak. Dalam erti kata lain, tiada pembatasan yang membabitkan status keperibadian kepada sesuatu kontrak. Jika seseorang itu baligh dan berakal, dia layak menyertai kontrak *syarikah al-'inan*.²⁴ Tambahan lagi, pembentukan *syarikah al-'inan* oleh ahli-ahli yang tidak mempunyai kelayakan minimum khususnya kanak-kanak adalah sah dengan mendapat kebenaran wali mereka terlebih dahulu.²⁵

²⁰ Sarakhsy, Syams al-Din al- (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 151; Kasani, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr Mas‘ud al- (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 75.

²¹ Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad (2000), *op. cit.*, jld. 4, hal. 41.

²² al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan ‘Ali Abu Bakr ‘Abd al-Jalil (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 4.

²³ al-Sarakhsy, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 153.

²⁴ al-Zuhayli, Wahbah al- (2004), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Damsyik : Dar al-Fikr, jld. 5, hal. 3322.

²⁵ *Ibid.*, jld. 4, hal. 2968 – 2969.

Status keperibadian ahli-ahli yang membentuk *syarikah* untuk menguruskan harta faraid ini tidaklah menjadi satu masalah besar dalam usaha untuk menepati keperluan syarak. Sebagaimana diketahui, sesiapa sahaja yang mempunyai kelayakan minimum dari segi syarak diiktiraf untuk menjadi ahli. Bagaimanapun, bagi ahli yang tidak menepati syarat seperti di bawah umur dan sebagainya, wali atau pemegang amanah bolehlah mewakili mereka. Selain itu, orang kafir sudah tentu tidak terlibat dalam isu ini kerana harta faraid bukan sahaja hanya melibatkan orang Islam malahan ahli keluarga yang berkenaan sahaja.

BENTUK PELABURAN

Berhubung dengan bentuk pelaburan dalam *syarikah al-amwal* jenis *al-'inan* ini, modal boleh berbentuk matawang secara tunai seperti emas (*dinar*) dan perak (*dirham*) yang digunakan sebagai matawang pada waktu dahulu. Semua fuqaha bersetuju dalam penerimaan emas dan perak dalam pelaburan *syarikah al-'inan* ini.²⁶ Selain itu, modal boleh juga terdiri daripada sebahagian emas yang diberikan oleh seorang ahli manakala sebahagian lagi diberikan dalam bentuk perak oleh ahli yang lain.²⁷ Masalahnya timbul apabila menggunakan gangsa (*fulus*) dalam *syarikah al-'inan* kerana nilainya sering berubah-ubah dari semasa ke semasa yang akan menyukarkan pembahagian keuntungan kelak.²⁸ Namun demikian dalam konteks hari ini khususnya bagi tujuan pengurusan harta pusaka secara bersama ini, perkara tersebut tidaklah relevan kerana tunai yang digunakan sekarang bukannya dalam bentuk gangsa.

Menurut al-Kasani, kebanyakan fuqaha tidak membenarkan pelaburan *syarikah al-'inan* ini dalam bentuk barang kerana susah hendak dikira keuntungan bila tiba waktunya. Ini disebabkan pelaburan

²⁶ al-Sarakhsi, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 158 – 161 & 178; Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad (2000), *op. cit.*, jld. 4, hal. 41; Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah Ahmad Muhammad (1999), *op. cit.*, jld. 7, hal. 123; al-Ramli, Syams al-Din Muhammad b Abi al-'Abbas Ahmad b Hamzah (1938), *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, jld. 5, hal. 6.

²⁷ Ibid.

²⁸ Gangsa digunakan sebagai matawang pada zaman pertengahan Islam di dunia Islam pada waktu itu. Sila lihat Abraham L. Udovitch (1970), *op. cit.*, hal. 54.

itu adalah berdasarkan nilai barang pada waktu tersebut yang ditentukan secara anggaran sahaja dan berkemungkinan terjadinya perbalahan di antara ahli-ahli pada waktu pembahagian keuntungan kelak.²⁹

Bagaimanapun, Maliki merupakan satu-satunya aliran yang membenarkan pelaburan *syarikah* dalam bentuk barang kecuali bahan makanan yang boleh diukur atau disukat.³⁰ Pada masa kontrak *syarikah* dibuat, nilai barang yang dijadikan modal oleh ahli-ahli akan dianggarkan bagi membolehkan penentuan saham setiap ahli dalam keuntungan, kerugian dan kerja yang dilakukan serta pembentukan modal bersama ini dianggap terjadi disebabkan berlakunya penjualan sesama ahli yang tersirat.³¹ Di samping itu, Maliki juga membenarkan pelaburan oleh ahli-ahli yang terlibat dalam bentuk barang dari jenis berlainan yang diasaskan kepada nilai barang tersebut.³²

Di samping itu, golongan fuqaha Hanafi menjelaskan bahawa di bawah *syarikah al-'inan* tidak ada rakan kongsi boleh menjadi penjamin (*kafil*) kepada rakan kongsi lain.³³ Penjamin yang mereka maksudkan ialah orang yang bertanggungjawab bagi memenuhi liabiliti kewangan rakan lain.³⁴ Di bawah *syarikah al-'inan*, tidak ada rakan kongsi yang bertanggungjawab ke atas urusniaga rakan kongsi lain yang terkeluar daripada aktiviti *syarikah*. Dengan lain perkataan, bahagian modal beberapa rakan kongsi tidak boleh diganggu untuk memenuhi pinjaman peribadi rakan kongsi lain atau membuat belian secara kredit menurut keupayaannya.³⁵ Sebaliknya, dalam hal yang berhubung dengan aktiviti *syarikah*, jika beberapa rakan kongsi meningkatkan liabiliti kewangan mereka mengikut kebijaksanaan mereka sendiri, semua mereka sama-sama bertanggungjawab bagi memenuhi liabiliti ini.³⁶

²⁹ al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Mas'ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 77 – 78.

³⁰ al-Maliki, Abu 'Abd Allah Malik b Anas (1905), *op. cit.*, jld. 12, hal. 54 – 56.

³¹ *Ibid.*, jld. 12, hal. 54.

³² *Ibid.*, jld. 12, hal. 55.

³³ al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Mas'ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 82; al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil al- (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 7.

³⁴ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1984), *Partnership and Profit-Sharing in Islamic Law*. Leicester: The Islamic Foundation, hal. 78.

³⁵ *Ibid.*

³⁶ *Ibid.*

Tambahan lagi, Ali al-Khafif mengatakan ulama sebulat suara bersepakat bahawa *syarikah al-'inan* juga mengandungi unsur agensi (perwakilan) dan pemegang amanah. Oleh itu rakan kongsi boleh menjadi ejen (wakil) untuk semua rakan kongsi lain bagi semua jenis urusniaga menggunakan modal *syarikah* yang terbatas dalam ruang lingkup aktiviti *syarikah* sahaja dan bukannya di luar batasan tersebut.³⁷ Tidak ada rakan kongsi yang bertanggungjawab dari segi kewangan yang melibatkan urusniaga peribadi yang dibuat oleh rakan kongsi lain dan sekiranya mana-mana rakan kongsi melanggar had yang ditetapkan, beliau dianggap sebagai orang luar oleh rakan kongsi lain yang menyebabkan urusniaga beliau dikira sebagai urusniaga peribadi beliau.³⁸

Persoalan pelaburan dalam *syarikah* yang berhubung dengan pengurusan harta faraid bukanlah satu masalah yang besar bagi menepati hukum syarak. Ini disebabkan, selain wang tunai yang disepakati oleh para fuqaha, ada pendapat fuqaha yang mengizinkan pelaburan dalam bentuk barang seperti harta alih dan harta tidak alih. Sudah tentulah kehendak syarak ini bertepatan dengan situasi *syarikah* yang berasaskan harta faraid. Di samping itu, dalam soal liabiliti hutang dalam *syarikah*, hanya hutang yang bersangkutan dengan aktiviti *syarikah* sahaja adalah di bawah tanggungan ahli-ahli dan diiktiraf dari segi pandangan fuqaha. Hutang-hutang peribadi adalah tanggungjawab sendiri dan tidak boleh melibatkan rakan kongsi yang lain.

Perbelanjaan

Mengikut Hanafi, kontrak *syarikah al-'inan* adalah mengikut pada amalan perniagaan dan pengiktirafan yang diperlukan oleh perdagangan setempat.³⁹ Khidmat sewa dan kelengkapan pengangkutan adalah satu keperluan dan merupakan hak kebebasan yang dimiliki oleh setiap ahli *syarikah al-'inan*.⁴⁰ Sebagaimana *syarikah al-mufawadah*, ahli-ahli *syarikah al-'inan* bila perlu, boleh menggunakan dana *syarikah* untuk pengangkutan sama ada dipersetujui atau tidak oleh rakan kongsi yang

³⁷ al-Khafif, ‘Ali (t.t.), *al-Syarikah fi Fiqh al-Islam : Buhuth Muqaranah*. t.t.: Ma‘had al- Dirasah al-Arabiyah al-‘Aliyah, hal. 49.

³⁸ *Ibid.*

³⁹ al-Kasani, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr Mas‘ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 93.

⁴⁰ *Ibid.*, jld. 5, hal. 93 – 94.

lain. Dalam kes kemalangan, kerugian ditanggung oleh semua ahli-ahli.⁴¹

Berhubungan dengan perbelanjaan perjalanan, Hanafi memberi hak kebebasan perjalanan kepada ahli dengan harta *syarikah* untuk berniaga walaupun tanpa kebenaran rakan kongsi yang lain.⁴² Selain itu, ahli-ahli juga boleh menuntut bayaran sewa, kos perjalanan, makanan dan keperluan lain dari modal bersama.⁴³

Secara umumnya, segala perbelanjaan yang melibatkan aktiviti *syarikah* sahaja adalah dibenarkan oleh para fuqaha untuk dicajkan kepada sesbuah *syarikah*. Hal ini juga tidak terkecuali kepada *syarikah* yang berhubung dengan pengurusan harta faraid secara bersama ini. Walaupun ada fuqaha yang membenarkan perbelanjaan keluarga dan peribadi yang lazim boleh melibatkan kewangan *syarikah*, perkara ini hendaklah dibincangkan sesama ahli agar tiada ahli-ahli yang mengambil kesempatan dari kelebihan ini semata-mata. Hal ini bukanlah satu perkara yang pelik dalam keadaan kontemporari hari ini. Namun demikian, jika ada di antara mereka yang bersetuju dengan isu ini, pemberian dalam bentuk elauan atau imbuhan tambahan boleh dipertimbangkan agar harta *syarikah* tidak digunakan sewenang-wenangnya dan ia sentiasa berada dalam pengawalan yang kemas bagi memastikan kesinambungannya pada masa hadapan.

PEMBAHAGIAN UNTUNG RUGI

Umumnya, pembahagian untung dan rugi dalam sesuatu *syarikah* hendaklah didasarkan kepada nisbah modal.⁴⁴ Selain itu, pembahagian keuntungan bagi setiap ahli dalam konsep *syarikah* ini mestilah ditentukan secara perkadaran atau peratusan. Ini bermakna tiada jumlah tetap yang boleh ditentukan terlebih dahulu oleh mana-mana pihak.⁴⁵

⁴¹ Abraham L. Udovitch (1970), *op. cit.*, hal. 137.

⁴² al-Kasani, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr Mas‘ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 96.

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ al-Jaziri, ‘Abd Rahman (2001), *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba‘ah*, Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtar, jld. 3, hal. 62.

⁴⁵ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1984), *op. cit.*, hal. 16.

Pembahagian Untung

Menurut Hanafi dan Hambali, keuntungan dalam *syarikah al-'inan*, adalah berdasarkan kepada apa yang telah dipersetujui oleh ahli-ahli.⁴⁶ Menurut al-Marghinani, adalah sah sekiranya pelaburan modal kedua-dua belah pihak adalah sama tetapi salah seorang daripadanya menerima kadar keuntungan yang lebih banyak. Bagaimanapun jika semua keuntungan itu dibolot oleh seorang sahaja rakan kongsi, ia adalah tidak sah kerana ini bukannya kontrak *syarikah* mahupun apa-apa jenis kontrak muamalat dalam Syariat Islam yang lain.⁴⁷ Al-Sarakhsyi pula menambah, keuntungan bagi setiap di antara mereka adalah berdasarkan kadar yang telah ditetapkan di antara mereka berpandukan kepada sabda Rasulullah s.a.w. yang mengatakan bahawa bagi orang muslim itu atas apa yang telah ditetapkan mereka. Tambahan lagi, kontrak ini dibenarkan kerana keperluan manusia yang mendesak khususnya pada ahli yang lebih pintar dari yang lain dalam menjayakan sesbuah *syarikah* tersebut. Sudah tentulah dia tidak rela dan terasa ditindas oleh rakan kongsinya jika hak keuntungannya sama rata dengan rakan kongsinya berdasarkan khidmatnya.⁴⁸ Pada pandangan al-Kasani pula, beliau menyokong hal ini dengan mengatakan bahawa keuntungan dituntut sama ada pada asas modal atau usaha kerja yang dilakukan ataupun pada asas liabiliti yang ditanggung tanpa mengira sama ada usaha kerja itu dilakukan oleh kedua-dua ahli atau oleh satu pihak sahaja. Keuntungan akan diagihkan di antara mereka mengikut syarat-syarat yang telah dipersetujui ke atasnya.⁴⁹

Pandangan yang sama juga dipersetujui oleh Ibn Qudamah. Beliau mengatakan bagi *syarikah al-'inan* iaitu persyarikatan dua orang dengan modal mereka, adalah sah bagi mereka keuntungan berdasarkan perkadaruan modal kedua-duanya. Menurut hukum, sah juga bagi mereka membahagikan keuntungan secara sama rata dengan perbezaan dalam modal mereka. Begitu juga perbezaan dalam keuntungan dengan

⁴⁶ Sarakhsyi, Syams al-Din al- (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 157; Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah Ahmad Muhammad (1999), *op. cit.*, jld. 7, hal. 138.

⁴⁷ al-Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan 'Ali Abu Bakr 'Abd al-Jalil (t.t), *op. cit.*, jld. 3, hal. 7.

⁴⁸ al-Sarakhsyi, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 157.

⁴⁹ al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Mas'ud (1998), *op. cit.*, jld. 5, hal. 83.

persamaan dalam modal mereka. Ini adalah pendirian Abu Hanifah. Dibenarkan perbezaan dalam keuntungan disebabkan kewujudan usaha kerja daripada mereka.⁵⁰

Bagaimanapun, mengikut Syafii dan Maliki, keuntungan semestinya berasaskan kepada kadar modal yang disumbangkan.⁵¹ Alasan Maliki yang hanya membenarkan keuntungan berasaskan kepada kadar modal yang disumbangkan sahaja adalah disebabkan oleh perumpamaannya terhadap hal kerugian. Jika penetapan oleh salah seorang daripada mereka untuk menanggung hanya sebahagian sahaja kerugian yang sepatutnya ditanggung oleh ahli tersebut adalah tidak dibenarkan, begitu juga halnya dalam penetapan keuntungan. Oleh itu, penetapan keuntungan yang tidak berdasarkan kadar modalnya juga tidak dibenarkan.⁵²

Sementara itu, pandangan dari Syafii mengatakan keuntungan disyaratkan pengagihannya mengikut perkadarannya jumlah modal yang dilaburkan tanpa mengira perbezaan dalam usaha mereka.⁵³ Alasan bagi pandangan ini adalah disebabkan keuntungan dan kerugian akan diagihkan mengikut kadar modal masing-masing kerana keuntungan bermakna pertumbuhan modal sementara kerugian bermakna pengurangan modal. Kedua-duanya akan mengikut kadar pelaburan yang dibuat. Jika modal yang dilaburkan oleh dua rakan kongsi adalah sama, tetapi mereka menentukan keuntungan dan kerugian yang berbeza atau jika pelaburan mereka adalah berbeza tetapi penentuan keuntungan dan kerugian adalah sama, kontrak tersebut tidak sah kerana syaratnya bertentangan dengan kehendak konsep *syarikah*. Samalah juga jika mereka menentukan bahawa semua keuntungan terakru kepada satu pihak sahaja.⁵⁴

⁵⁰ Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah Ahmad Muhammad (1999), *op. cit.*, jld. 7, hal. 138.

⁵¹ al-Syarbini, Syams al-Din Muhammad b Muhammad al-Khatib (1958), *op. cit.*, jld. 2, hal. 216; Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad (2000), *op. cit.*, jld. 4, hal. 43.

⁵² Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad (2000), *ibid.*, jld. 4, hal. 43.

⁵³ al-Jaziri, ‘Abd Rahman (2001), *op. cit.*, jld. 3, hal. 67.

⁵⁴ al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim b ‘Ali b Yusuf (1959), *al-Muhadhdhab*, Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih, jld. 1, hal. 353.

Oleh yang demikian, berdasarkan kepada pandangan Maliki dan Syafii ini, jika terdapat perbezaan di antara usaha ahli-ahli rakan kongsi dalam memajukan sesebuah *syarikah* tersebut, usaha itu tidak dapat dipastikan dengan jelas dan bahagian keuntungan hanya dapat ditentukan dengan tepat mengikut perkadarhan pelaburan modal. Mereka berpendapat bahawa keuntungan akan menambahkan pertumbuhan modal dan disebabkan itu pembahagian keuntungan adalah tertakluk kepada syarat nisbah pelaburan modal.

Asas lain bagi pendapat ini dihujahkan bahawa kontrak *syarikah* adalah berkaitan modal yang dilaburkan dan bukan dengan usaha ahli-ahli. Oleh itu, tambahan pada modal yang diperolehi melalui usaha ahli-ahli perlulah dikawal oleh modal yang sebenar dan diagihkan secara teratur.⁵⁵ Jelas bahawa fuqaha yang yakin dengan pendapat ini tidak menerima usaha ahli-ahli dalam *syarikah* sebagai satu asas yang bebas dan berasingan bagi memperolehi keuntungan. Namun demikian, Siddiqi mengatakan bahawa andaian ini tidaklah benar kerana daripada pengalaman biasa, sesetengah rakan kongsi mempunyai pengalaman dan kebolehan yang lebih besar daripada yang lain atau lebih bekerja keras berbanding dengan ahli-ahli lain yang tidak aktif. Ini bermakna ahli-ahli yang terlibat hendaklah dibenarkan menentukan sebarang kadar pembahagian keuntungan yang mereka anggap sesuai melalui perjanjian bersama.⁵⁶

Pembahagian Rugi

Kerugian pula mesti berasaskan kepada kadar modal yang disumbangkan oleh ahli-ahli.⁵⁷ ‘Ali al-Khafif mengatakan bahawa,

“Kekurangan atau kerugian diagihkan mengikut kadar modal yang dilaburkan. Semua imam bersetuju dalam hal ini, meskipun mereka daripada golongan mazhab yang berbeza. Sebarang syarat yang bercanggah dengan syarat ini adalah tidak sah dan tidak dilaksanakan.”⁵⁸

⁵⁵ al-Khafif, ‘Ali (t.t.), *op. cit.*, hal. 55.

⁵⁶ Muhammad Nejatullah Siddiqi (1984), *op. cit.*, hal. 26.

⁵⁷ al-Jaziri, ‘Abd Rahman (2001), *op. cit.*, jld. 3, hal. 62, 66 – 67.

⁵⁸ al-Khafif, ‘Ali (t.t.), *op. cit.*, hal. 55.

Al-Sarakhsy menambah bahawa tiada perbezaan pendapat dalam penetapan sesuatu kerugian yang berdasarkan pada kadar pelaburan modal adalah satu syarat yang sah.⁵⁹ Al-Dardir pula mengatakan bahawa kerugian patut diagihkan di antara dua pihak yang berkenaan mengikut setiap sumbangan modal mereka.⁶⁰ Begitu juga al-Nawawi yang mengatakan, kerugian akan diagihkan secara sama rata mengikut kadar modal yang dilaburkan sama ada aktiviti kerja yang dilakukan oleh ahli-ahli yang berkongsi setara ataupun sebaliknya. Jika mensyaratkan sesuatu yang bertentangan dengannya, kontrak tersebut akan menjadi batal.⁶¹ Ibn Qudamah juga mengatakan kerugian dalam *syarikah* bagi setiap ahli-ahli mestilah mengikut kadar modalnya. Jika modal kedua-dua mereka sama, kerugian hendaklah dikongsikan sama setengah di antara mereka; sebaliknya jika modal mereka bertiga sama, kerugian pula hendaklah dikongsikan sama banyak di antara mereka bertiga iaitu sepertiga. Tiada perselisihan pendapat di antara ahli-ahli ilmu mengenai hal ini.⁶²

Tidak boleh dinafikan bahawa kerugian sesuatu *syarikah* yang berteraskan Syariat Islam mestilah disandarkan kepada modal yang dilaburkan. Hal ini disepakati oleh semua fuqaha. Oleh yang demikian, *syarikah* yang berhubung dengan harta faraid ini juga mestilah mengikuti asas ini. Sebaliknya, dalam persoalan mengenai keuntungan *syarikah*, fuqaha berbeza pendapat. Namun demikian, dalam soal keuntungan yang membabitkan *syarikah* harta faraid ini, ia perlu juga diasaskan kepada modal yang dilaburkan. Pandangan ini lebih sesuai pada masa kini kerana ianya dapat mengelakkan dari berlaku pertikaian sesama ahli. Pertikaian ini mungkin berlaku disebabkan penilaian selain daripada modal adalah subjektif dan kemungkinan berat sebelah. Bagaimanapun, jika terdapat di kalangan ahli yang menghabiskan masa dan tenaganya untuk memakmurkan *syarikah* lebih dari ahli yang lain, peruntukan tambahan untuknya perlulah dipertimbangkan

⁵⁹ al-Sarakhsy, Syams al-Din (1978), *op. cit.*, jld. 11, hal. 156.

⁶⁰ al-Dardir, Ahmad b Muhammad b Ahmad (1952), *al-Syarh al-Saghir, bi Hamisy Ahmad b Muhammad al-Sawi*, *Bulghah al-Salik li-Aqrab al-Masalik*, Kaherah: Matba'ah 'Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah, jld. 2, hal. 167.

⁶¹ al-Nawawi , Abu Zakaria Yahya Syaraf (1996), *op. cit.*, hal. 76.

⁶² Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah Ahmad Muhammad (1999), *op. cit.*, jld. 7, hal. 145.

agar keadilan sentiasa berlaku dalam *syarikah* tersebut. Peruntukan tambahan boleh dalam bentuk elaua atau gaji tetap bergantung kepada persetujuan di kalangan ahli melalui proses syura.

KESIMPULAN

Pengurusan harta faraid yang terbaik adalah dengan tidak dipecah-pecahan pemilikannya dari segi fizikal. Salah satu cara untuk merealisasikan persoalan di atas ialah melalui cadangan untuk menggalakkan ahli waris mewujudkan *syarikah* keluarga atau *holding* dengan menjadikan harta pusaka sebagai satu aset kepentingan bersama. Melalui pendekatan *syarikah* keluarga atau *holding* ini, pembahagian tidak semestinya dibuat berdasarkan keluasan tanah atau bahagian tetapi dibuat dengan pembahagian syer atau bahagian saham yang disandarkan ke atas *syarikah* yang dimiliki secara bersama tersebut.

Dalam membincangkan keperluan *syarikah* ini dari segi fiqah muamalat, pandangan fuqaha Hanafi lebih komprehensif dalam membicarakan tentang pembahagian *syarikah*. Di samping itu, bahagian-bahagian yang disentuh oleh fuqaha Hanafi secara tidak langsung telah meliputi pembahagian oleh pandangan-pandangan yang lain. Pengurusan harta faraid melalui pembentukan *syarikah* ini akan membabitkan dua unsur utama iaitu harta dan kontrak. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan penglibatan kedua-dua jenis *syarikah* yang utama iaitu *syarikah al-amlaq* dan *syarikah al-'uqud*. Kedua-dua jenis *syarikah* ini berlaku pada dua peringkat yang berasingan. *Syarikah al-amlaq* berlaku pada peringkat awal penggabungan harta itu iaitu bila berlakunya pemindahan harta dari si mati kepada para pewarisnya disebabkan sesuatu kematian dan ia dikenali sebagai *syarikah al-amlaq al-jabariyah*. Dalam hal ini, setiap ahli adalah dianggap sebagai orang asing oleh ahli-ahlinya yang lain dalam menguruskan saham rakannya yang lain. Larangan dalam menguruskan harta rakannya yang lain ini menyebabkan keperluan terhadap *syarikah al-'uqud* dalam mewujudkan kontrak yang dipersetujui di kalangan ahli-ahlinya secara sah agar harta bersama tersebut dapat dimakmurkan serta dibangunkan

bagi kepentingan bersama di antara ahli-ahlinya. Dengan demikian, faedahnya nanti dapat dikecapi oleh generasi-generasi mereka yang seterusnya kelak.

Daripada jenis-jenis *syarikah al-'uqud* yang telah dibincangkan, *syarikah al-amwal* adalah paling sesuai untuk diaplikasikan dan diterapkan kepada *syarikah* dalam pengurusan harta faraid ini. Ia disebabkan fokus utama kewujudannya adalah bersangkutan dengan harta dan harta juga dijadikan objek modal dalam *syarikah* pengurusan harta faraid ini. Seterusnya, dalam membincangkan *syarikah al-amwal* ini, *syarikah al-amwal* berbentuk *al-'inan* adalah relevan untuk dibincangkan dalam konteks pengurusan harta faraid ini kerana *syarikah al-amwal* berbentuk *al-mufawadah* adalah susah untuk dilaksanakan dalam realiti pengurusan harta faraid pada hari ini. Hal ini kerana kemungkinan seseorang akan mendapat lebih saham dalam sesuatu keadaan tertentu seperti dalam perkongsian harta pusaka ini.

Akhir sekali, turut dibincangkan juga berhubung dengan *syarikah al-amwal* berbentuk *al-'inan* ini ialah beberapa aspek yang meliputi perkara-perkara mengenai status keperibadian ahli-ahli, bentuk pelaburan, perbelanjaannya dan pembahagian untung rugi. Pada kebiasaannya, kaedah pengurusan pembahagian sesuatu harta pusaka seseorang ahli waris itu dapat dilakukan secara dua pilihan iaitu membahagikannya secara faraid atau secara sukarela. Namun demikian, kedudukan sesuatu harta pusaka tersebut tidak menjadi penghalang bagi ahli-ahli waris untuk membentuk sebuah *syarikah* yang boleh dimanfaatkan keuntungannya secara bersama. Ini dibenarkan oleh syarak dan dalam fiqah muamalat diterangkan secara terperinci bentuk-bentuk *syarikah* yang boleh diaplikasikan untuk tujuan tersebut.

RUJUKAN

- Abraham L. Udovitch. (1970). *Partnership and profit in medieval Islam*. New Jersey: Princeton.
- Dardir, Ahmad b Muhammad b Ahmad al-. (1952). *al-Syarh al-Saghir, bi Hamisy Ahmad b Muhammad al-Sawi, Bulghah al-Salik li-Aqrab al-Masalik*, 2 j. Kaherah: Matba‘ah ‘Isa al-Babi al-Halabi wa Syurakah.
- Haidar, Ali. (1991). *Durar al-Hukkam: Syarh Majallah al-Ahkam*. 16 juz, 4 j. C.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn al-Human, Kamal al-Din Muhammad ‘Abd Wahid. (1995). *Syarh Fath al-Qadir*; 10 j. C.1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad ‘Abd Allah Ahmad Muhammad. (1999). *al-Mughni*, 15 j. C.4. Riyadh: Dar ‘Alam al-Kutub.
- Ibn Rusyd, Abu al-Walid Muhammad Ahmad. (2000). *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid*, 4 j. C.2. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Jaziri, ‘Abd Rahman al-. (2001). *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba‘ah*, 5 j. C.1. Kaherah: Mu’assasah al-Mukhtar.
- Kasani, ‘Ala’ al-Din Abu Bakr Mas‘ud al-. (1998). *Bada’i‘ al-Sana’i‘ fi Tartib al-Syara‘i‘*, 6 j. C.3. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Khafif, ‘Ali al- (t.t.), *al-Syarikah fi Fiqh al-Islam: Buhuth Muqaranah*. t.t.: Ma‘had al- Dirasah al-Arabiyah al-‘Aliyah.
- Khayyat, ‘Abd al-Aziz Izat al-. (1994). *al-Syarikah fi al-Syari‘ah al-Islamiyyah*, 2 j. C.4. Beirut : Mu’assasah al-Risalah.
- Khin, Mustafa al- et al. (2003). *al-Fiqh al-Manhaji ‘ala Madhab al-Imam al-Syafi‘i*, 3 j. C.5. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Maliki, Abu ‘Abd Allah Malik b Anas al-. (1905). *al-Mudawwanah al-Kubra: Riwayah Sahnun Sa‘id*, 16 juz. 6 j. Beirut: Dar Sadir.

- Marghinani, Burhan al-Din Abu Hassan ‘Ali Abu Bakr ‘Abd al-Jalil al- (t.t), *al-Hidayah Syarh Bidayah al-Mubtadi*, 4 juz. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi. (1984). *Partnership and profit-sharing in Islamic law*. Leicester: The Islamic Foundation.
- Nawawi, Abu Zakaria Yahya Syaraf al-. (1996). *Minhaj al-Talibin wa ‘Umdah al-Muftin*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Ramli, Syams al-Din Muhammad b Abi al-‘Abbas Ahmad b Hamzah al-. (1938). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj*, 8 j. C.1. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih
- Sarakhsy, Syams al-Din al-. (1978). *Kitab al-Mabsut*, 30 juz, 16 j. C.3. Beirut: Dar al-Ma‘rifah.
- Syarbini, Syams al-Din Muhammad b Muhammad al-Khatib al-. (1958). *al-Mughni al-Muhtaj*, 4 j. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih.
- Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim b ‘Ali b Yusuf al-. (1959). *al-Muhadhdhab*, 2 j. C 3. Kaherah: Syarikah Maktabah wa Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladih
- Zuhayli, Wahbah al-. (2004). *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, 11 j. C.4. Damsyik: Dar al-Fikr.